

MENGATASI MASALAH MENDARAB SEBARANG NOMBOR 4 DIGIT DENGAN NOMBOR 2 DIGIT

Oleh

Philip anak Pupur
Sk St John Tae, e,
94700 Serian, Sarawak.

Abstrak

Kajian ini bermula apabila saya mendapati murid X dan murid Y menghadapi masalah mendarab nombor 4 digit dengan nombor 2 digit. Saya telah memperkenalkan satu kaedah untuk membantu kedua-dua mereka dan ternyata kaedah tersebut membantu mereka menghadapi masalah berkaitan. Namun, kaedah ini pula menimbulkan dilema saya dari segi pedagogi.

SIAPAKAH SAYA?

Saya adalah guru terlatih dalam opsyen PSR Pengajian Melayu yang dilatih di MP Batu Lintang. Saya tamat pengajian saya pada tahun 1994. Sebelum dipindahkan ke sekolah sekarang, saya pernah mengajar Matematik di beberapa buah sekolah. Namun, apabila dipindahkan ke stesen baru pada tahun 2004, saya tidak mengajar Matematik bagi kelas biasa tetapi diberi kepercayaan untuk mengajar Matematik bagi Kelas SBT Tahun 5 dan Kelas Bimbingan UPSR bagi Tahun 6.

SKSJT

SKSJT adalah sebuah sekolah rendah yang ditubuhkan pada tahun 1928. Sekolah ini terletak kira-kira 22 km dari Bandar Serian. Ia masih dikategorikan sebagai sekolah Luar Bandar dan kebanyakan murid-muridnya adalah terdiri daripada anak petani. Sekolah ini mempunyai enam buah kelas (Tahun 1 hingga Tahun 6) yang mempunyai seramai 120 orang murid. Sekolah ini dipimpin oleh seorang guru besar dan dibantu oleh 3 orang penolong kanan termasuk saya sendiri yang memegang jawatan PKHEM. Selain daripada 3 orang penolong kanan, sekolah ini juga mempunyai 9 orang guru, seorang Pembantu Tadbir, seorang Pembantu Tadbir Rendah dan seorang Pembantu Am Rendah.

KELAS SBT TAHUN 5 (2005)

Kelas SBT Tahun 5 di SKSJT untuk tahun 2005 terdiri daripada 24 orang murid iaitu 7 orang lelaki dan 17 orang perempuan yang kesemuanya berumur 11 tahun. Kebanyakan mereka ini berketurunan Bidayah dan berasal daripada keluarga petani. Kelas SBT Tahun 5 dijalankan dari pukul 2.00 – 3.00 petang pada setiap petang Isnin. Kelas ini dijalankan 4 kali sebulan.

DILEMA SAYA

Sebelum memulakan kelas SBT Tahun 5, guru Matematik Tahun 5 memberitahu saya bahawa majoriti daripada murid-muridnya adalah lemah dalam Matematik. Melalui pendedahan ini, saya mula berasa takut, bimbang serta meragui kebolehan saya sendiri.

Salah satu masalah murid-murid Tahun 5 yang saya kenal pasti adalah Topik Darab Dalam Lingkungan 500 000, di mana mereka perlu menguasai kemahiran sehingga seperti berikut: 5219×72 . Kali pertama saya mengajar topik ini, hanya 62.5 peratus (%) atau 15 daripada 24 orang yang menguasai topik ini setelah diberi penilaian pada penghujung kelas SBT. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah mereka amat sukar mendarab sebarang nombor dengan nombor 2 digit. Namun mereka tidak menghadapi masalah apabila mendarab sebarang nombor 4 digit dengan nombor 1 digit.

KEPRIHATINAN SAYA

Walaupun lemah dalam mendarab sebarang nombor dengan nombor 2 digit merupakan masalah yang dihadapi oleh kebanyakan murid Tahun 5, namun masalah itu dapat diatasi pada minggu kedua saya mengajar tajuk yang sama. Saya menggunakan satu kaedah atau langkah yang mudah tetapi praktikal untuk mengatasi masalah murid-murid berkenaan. Walaupun tidak dapat membantu 100% murid yang bermasalah, sekurang-kurangnya 7 orang dapat dibantu dengan menggunakan kaedah atau langkah tersebut. Namun, saya amat tertarik hati dengan

2 orang murid yang pada mulanya adalah terlalu lemah dalam topik ini tetapi akhirnya dapat menjawab dengan betul semua soalan penilaian yang saya beri pada penghujung pengajaran.

FOKUS KAJIAN SAYA

Dalam kajian ini saya fokuskan kepada murid yang dikenali sebagai murid X dan Y. Murid X mendapat 0% markah manakala murid Y mendapat 20% markah dalam penilaian minggu pertama. Guru Matematik Tahun Lima memaklumkan kepada saya bahawa 2 orang murid tadi memang lemah dalam mata pelajaran Matematik terutama sekali bagi topik Darab dan Bahagi.

OBJEKTIF KAJIAN

Saya pun merancang suatu tindakan yang dapat membantu saya memperkenalkan satu kaedah mendarab sebarang nombor 4 digit dengan nombor 2 digit untuk membantu murid X dan murid Y.

PERANCANGAN TINDAKAN

Bagi mencapai objektif kajian saya, saya telah memperkenalkan satu kaedah atau langkah penyelesaian untuk membantu murid X dan murid Y. Program ini dijalankan selama 30 minit semasa kelas SBT dijalankan.

Saya telah membimbing murid-murid tadi dengan memberi banyak latih tubi dengan menggunakan langkah penyelesaian yang saya perkenalkan.

PELAKSANAAN TINDAKAN

Pada mulanya, saya memberi satu contoh soalan. Kemudian saya menerangkan cara-cara untuk menjawab soalan. Ramai murid faham dengan penerangan saya memandangkan mereka sudah belajar topik berkenaan dalam kelas biasa.

Kemudian, saya mengedarkan lembaran kerja kepada semua murid saya. Saya dapati murid X dan murid Y langsung tidak dapat menjawab soalan yang diberi. Walaupun sudah banyak soalan latih tubi diberi, namun mereka tetap gagal jua. Dalam penilaian yang diberi, murid X mendapat 0 % manakala murid Y hanya mendapat 20 %.

BAGAIMANA SAYA LAKUKANNYA?

Berikut adalah beberapa langkah yang saya gunakan untuk membantu murid X dan murid Y.

CONTOH SOALAN:

$$6\ 478 \times 46 = ?$$

Langkah Penyelesaian

1. Tulis soalan dalam bentuk lazim:

$$\begin{array}{r} 6\ 478 \\ \times\ 46 \\ \hline \\ \hline \end{array}$$

2. Darabkan dengan nombor di rumah sa dahulu (6).

$$\begin{array}{r} 6\ 478 \\ \times\ 6 \\ \hline 3\ 8\ 868 \\ \hline \end{array}$$

3. Darabkan dengan nombor di rumah puluh (4)

$$\begin{array}{r} 6478 \\ \times 4 \\ \hline 25912 \end{array}$$

4. Tuliskan jawapan Langkah 2 dan Langkah 3 seperti berikut dan jumlahkan:

$\begin{array}{r} 6478 \\ \times 46 \\ \hline 38868 \end{array}$		Jawapan Langkah 2: 38868
$+ 25912$	←	Jawapan Langkah 3: 25912
$\hline 297988$		

Maka:

$$6478 \times 46 = \underline{\underline{297988}}$$

DAPATAN KAJIAN SAYA

Setelah dibimbing beberapa kali dengan menggunakan langkah tadi, Murid X dan Murid Y yang diajar dengan kaedah tadi dapat menguasai kemahiran yang diajar dan apabila penilaian diberi dalam Kelas SBT, murid X dan murid Y yang dikenal pasti sebagai murid lembab dalam Matematik mendapat 100 %.

REFLEKSI

Saya berasa puas hati dengan langkah yang saya ambil bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid tadi, iaitu murid tidak pandai mendarab sebarang nombor 4 digit dengan nombor 2 digit. Namun langkah-langkah tadi saya rasa adalah sesuai

bagi murid-murid yang langsung tidak faham dengan langkah yang biasa digunakan. Contohnya langkah-langkah yang ditunjukkan dalam Buku Teks Matematik KBSR. Dua orang murid tadi, yang pada mulanya sukar untuk membuat soalan soalan yang diberi akhirnya berjaya melakukannya setelah didedahkan dengan langkah-langkah yang saya rasa cukup mudah dan praktikal. Namun persoalan saya ialah, adakah kaedah tadi sesuai atau boleh diterima dari segi pedagogi? Atau adakah ianya sesuai untuk menjawab soalan Matematik Kertas 2 dalam UPSR? Sama-samalah kita renungkan.

BIBLIOGRAFI

- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Penyelidikan Tindakan Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik perseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.
- Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.